

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS MAKAN MALAM SEMPENA PERAYAAN JUBLI PERAK
PERSATUAN DOKTOR-DOKTOR PERUBATAN MALAYSIA

TEMPAT: HOTEL MING COURT, KUALA LUMPUR

TARIKH: 27 OCT 1984

MASA:

Yang Berbahagia Datuk Dr. K. Sarvananthan,
Presiden Persatuan Doktor-Doktor
Perubatan Malaysia;
Dif-Dif Kehormat;
Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Jawatankuasa
Persatuan Doktor-Doktor Perubatan Malaysia kerana menjemput
saya dan isteri saya ke Majlis Perayaan Jubli Perak
Persatuan ini.

2. Izinkan saya merakamkan penghargaan saya kepada
Persatuan ini kerana sudi mengurniakan Ahli Kehormat ke atas
diri saya. Saya memang sudahpun beberapa kali diberi
penghormatan seumpama ini oleh beberapa persatuan lain,
tetapi sebagai seorang doktor, saya berasa bertambah besar
hati dikurniakan kehormatan seperti ini oleh satu Persatuan
yang saya pernah menjadi ahlinya.

3. Persatuan ini kini menyambut Jubli Peraknya dan
sepertimana kita maklum dalam
tempoh waktu tersebut Persatuan ini telah memberi sumbangan
kepada negara dan masyarakat. Saya mengambil kesempatan ini
untuk mengucapkan tahniah kepada saudara-saudara sekalian di
atas sumbangan membina yang telah diberikan di masa-masa
yang lalu. Saya percaya saudara-saudara akan terus berusaha
untuk meningkatkan lagi sumbangan yang diberikan ini.

4. Sebagaimana tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum,
usaha-usaha memberi perkhidmatan kesihatan yang baik kepada
rakyat merupakan salah satu keutamaan kerajaan. Memang
tidak dapat dinafikan bahawa semenjak merdeka, kerajaan
telah mengadakan berbagai kemudahan kesihatan yang berkesan
untuk keseluruhan masyarakat. Daripada segi kewangan, ini
merupakan jumlah peruntukkan wang yang besar. Malahan
bolehlah dikatakan, perkhidmatan kesihatan di negara kita
yang membangun ini merupakan satu perkhidmatan yang unik.
Ia unik kerana ia adalah satu perkhidmatan yang hampir
percuma bagi semua rakyat termasuk mereka yang mampu
membiayai kos perubatan sendiri. Banyak negara-negara yang
maju pun tidak mampu memberi perkhidmatan sepertimana yang
kita adakan sekarang ini. Ini, jelas menunjukkan bahawa

perkhidmatan kita terlalu tinggi menerima subsidi kerajaan sehingga yang mampu membayar juga mendapat perkhidmatan percuma. Malahan ada di antara yang mampu ini telah menyalahgunakan kemudahan perkhidmatan ini. Memandangkan kepada hal ini dan memandangkan kepada kedudukan kewangan akibat daripada ekonomi antarabangsa yang tidak menggalakkan, kerajaan terpaksa membuat sesuatu bagi mengadakan perkhidmatan kesihatan yang benar-benar memanfaatkan mereka yang memerlukannya. Oleh itu kerajaan telah mencadangkan supaya sebahagian daripada perkhidmatan kesihatan ini diwastakan. Dengan cara ini kita akan dapat menumpukan lebih perhatian dan kemudahan kepada mereka yang berpendapatan rendah dan yang benar-benar layak menerima perkhidmatan kesihatan kerajaan. Melalui cara ini juga lebih ramai lagi mereka yang memerlukan akan dapat menikmati kemudahan ini. Sepertimana yang telah saya jelaskan beberapa kali, penswastaan sebahagian daripada perkhidmatan kesihatan ini tidak akan menyusahkan mereka yang berpendapatan rendah dan daif.

5. Penswastaan baik di bidang kesihatan ataupun di lain-lain bidang yang tertentu, sudah tentu akan membawa peluang-peluang yang baru. Saya percaya penswastaan dalam bidang kesihatan juga akan memberi manfaat dan kesan yang baik. Sayugia diingatkan bahawa tujuan mengadakan penswastaan ini bukanlah untuk memberi peluang dan kesempatan kepada mereka untuk mendapatkan keuntungan yang berlebih-lebihan, tetapi adalah bertujuan untuk meluaskan lagi perkhidmatan kesihatan kepada rakyat keseluruhannya.

Tuan-tuan dan puan-puan,

6. Kita sering mendengar doktor-doktor Kerajaan meletakkan jawatan untuk memasuki sektor swasta, sama ada untuk membuka klinik sendiri atau bekerja dengan klinik persendirian yang sedia wujud. Tarikan yang paling kuat ialah pendapatan yang lebih lumayan di sektor swasta, apabila dibandingkan dengan yang didapati dalam perkhidmatan Kerajaan. Walaupun gejala ini tidak begitu menyenangkan hati Kerajaan, ianya ada juga kebaikannya. Sekurang-kurangnya ia menyebabkan sektor perubatan swasta menjadi lebih bersaing atau 'competitive'. Ini, di antara lain, akan mewujudkan kecekapan dalam memberi perkhidmatan perubatan dan kadar bayaran pun seharusnya semakin munasabah.

7. Saya, tidak bermaksud supaya doktor-doktor dalam perhidmatan awam digalakan berpindah ke sektor swasta. Kerajaan telah berusaha menambahkan beberapa kemudahan, seperti kenaikan pangkat yang lebih cepat untuk menjadikan perkhidmatan dalam Kerajaan lebih selesa dan menarik lagi. Walaupun begitu, saya akui Kerajaan memang tidak berupaya menandingi lumayannya pendapatan di sektor swasta. Semakin maju negara kita, semakin jauhlah perbezaan antara pendapatan di sektor awam dengan sektor swasta.

Tuan-tuan dan puan-puan,

8. Pendapatan yang lumayan bukanlah faktor mutlak yang boleh menjamin kepuasan bekerja atau 'job satisfaction' dalam apa-apa profesyen sekali pun, dan ini termasuklah perkhidmatan perubatan. Pendapatan yang lumayan dapat memberi kepuasan hanya sehingga tahap yang tertentu sahaja dan pendapatan yang melebihi peringkat tertentu itu tidak semestinya memberi kepuasan yang maksima.

9. Salah satu faktor yang memberi kepuasan bekerja dalam profesyen ialah peluang untuk memberi perkhidmatan kepada masyarakat, terutama sekali berkhidmat kepada mereka yang tidak mempunyai keupayaan kewangan untuk mendapatkan rawatan melalui klinik-klinik swasta. Peluang berkhidmat ini terdapat di klinik-klinik di peringkat mukim, daerah, negeri dan di hospital-hospital besar di seluruh negara. Kepuasan bekerja dengan memberi rawatan kepada mereka yang tidak mungkin ke klinik-klinik swasta adalah satu-satunya yang tidak dapat dinilai dengan wang ringgit.

10. Ada di antara kita berasa senang dengan menderma wang dan terdapat juga yang berasa puas hati dengan menderma tenaga. Bagi para doktor di dalam perkhidmatan awam, masyarakat semakin hari semakin sedar bahawa mereka sedikit sebanyak berkorban untuk kesejahteraan dan kesihatan rakyat. Walaupun para doktor tersebut menerima gaji, pengorbanan mereka termasuklah kesanggupan menerima gaji yang kurang lumayan sekiranya dibandingkan dengan pendapatan yang boleh diperolehi daripada pihak swasta.

Tuan-tuan dan puan-puan,

11. Saya percaya Persatuan ini akan terus memberi sumbangannya kepada masyarakat keseluruhannya. Akhir kata saya sekali lagi mengucapkan kepada semua ahli Persatuan ini selamat menyambut 'Perayaan Jubli Perak'.
Terima kasih.